

BAB KEEMPAT
MASYARAKAT ISLAM DAN
KEGIATAN PERTANIAN.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

BAB KEEMPAT

4.0 Pelanruaan.

97% daripada penduduk-penduduk di Mukim Terap, Kulim, Kedah adalah terdiri daripada masyarakat Islam.⁽¹⁾ Selebihnya adalah masyarakat yang mewakili kaum China dan India. Kaum China dan India ini adalah terdiri daripada golongan pendatang. Penghijrahan mereka ke kawasan ini bermula pada awal tahun 80-an dan golongan ini bekerja di ladang-ladang kelapa sawit sebagai buruh.

Aktiviti ekonomi yang utama bagi masyarakat Islam di Mukim ini ialah ekonomi pertanian. Berdasarkan sumber yang diperolehi daripada Pejabat Penghulu Mukim Terap, 32.3% adalah terdiri daripada golongan yang terlibat dengan sektor getah. Golongan yang terlibat dengan sektor penanaman padi ialah sebanyak 27.4%. Manakala selebihnya adalah golongan yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan swasta dan ada juga yang terdiri daripada pekerja sendiri.

Berdasarkan kepada peratusan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa masyarakat Islam di Mukim ini menjadikan sektor getah sebagai suatu pekerjaan utama. Ini diikuti oleh sektor tanaman padi. Di samping itu terdapat juga masyarakat Islam yang bergiat disektor ternakan. Namun peratusannya adalah kecil jika dibandingkan dengan sektor tanaman getah dan padi. Keadaan ini disebabkan bentuk mukabumi dan penggunaan tanah di Mukim ini. Lihat lampiran II.

4.1 Golongan yang menjadi Petani.

4.1.1 Taraf Pendidikan.

Berdasarkan soal selidik, kebanyakan Pekebun-Pekebun Kecil getah, Petani dan juga mereka yang terlibat di dalam sektor perternakan tidak mempunyai taraf pelajaran yang baik. Walaupun begitu terdapat beberapa orang yang memiliki Sijil Rendah Pelajaran dan juga Sijil Pelajaran Malaysia. Golongan ini terdiri daripada kaum remaja yang hanya menolong ibu-bapa mereka di kebun-kebun getah dan di sawah-sawah. Mereka tidak menjadikan pertanian sebagai suatu pekerjaan tetap. Hanya sekadar mengisi masa yang terluang dan juga memberi khidmat kepada keluarga.

Hampir keseluruhannya mereka yang terlibat dengan sektor getah adalah terdiri daripada golongan tua. Mereka hanya belajar di sekolah rendah pada zaman sebelum merdeka. Taraf pendidikan golongan ini hanya sekadar tahu membaca dan menulis. Tetapi terdapat juga mereka yang tidak tahu membaca dan menulis disebabkan mereka tidak pernah menerima pendidikan secara formal. Begitu juga taraf pendidikan bagi Petani-Petani yang terlibat dengan sektor tanaman padi.

Bagi sektor perternakan, terdapat seorang siswazah yang menjalankan projek ternakan ayam daging untuk tujuan kemersial. Beliau adalah lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia di dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan. Oleh kerana minatnya yang mendalam di dalam bidang ternakan, beliau telah menjadikan bidang ini sebagai suatu pekerjaan tetap.

4.1.2 Peringkat Umur.

Berdasarkan soal selidik, terdapat empat kategori umur bagi Pekebun-Pekebun Kecil getah dan Petani yang terlibat dengan sektor pertanian di Mukim ini. Pekebun-Pekebun Kecil membawa maksud golongan yang mengerjakan saiz tanah pertanian di bawah 100 ekar.⁽²⁾ Kategori yang pertama ialah Pekebun Kecil dan Petani yang berada di antara peringkat umur 60 ke 70 tahun. Mereka adalah Pekebun-Pekebun Kecil dan Petani yang berkecimpung di dalam sektor ini berpuluhan-puluhan tahun lamanya. Golongan ini bergiat di sektor pertanian sebagai Pekebun Kecil getah dan menjadikannya sebagai suatu pekerjaan tetap. Kebanyakan daripada mereka memiliki kebun getah sendiri di mana saiznya tidak ekonomik dan mengamalkan sifat-sifat pertanian tradisional.

Kategori yang kedua ialah Pekebun Kecil dan Petani yang berada di peringkat umur antara 45 ke 60 tahun. Mereka merupakan generasi yang bergiat di sektor pertanian sebagai Pekebun Kecil getah dan Petani yang terlibat dengan Rancangan Kemajuan dan Pembangunan Tanah oleh Kerajaan. Keseluruhannya memiliki tanah pertanian sendiri iaitu mereka yang terlibat dengan Rancangan Tanah Pinggir dan Mini Estet. Mereka ini adalah golongan yang mengamalkan sifat-sifat pertanian secara moden. Begitu juga bagi Pekebun-Pekebun Kecil getah dan Petani yang berada di peringkat umur antara 25 ke 45 tahun.

Kategori yang keempat ialah mereka yang berada di peringkat

umur antara 18 ke 25 tahun. Mereka ini adalah terdiri daripada golongan remaja. Golongan ini tidak menjadikan pertanian sebagai suatu pekerjaan tetap tetapi sekadar mengisi masa yang terluang dan menolong keluarga masing-masing.

4.2 Jenis-Jenis Pertanian Yang Diamalkan.

4.2.1 Padi.

Berdasarkan soal selidik, terdapat 18 orang atau 34% daripada responden-responden di Mukim ini terlibat dengan sektor tanaman padi. Kebanyakan daripada mereka mengusahakan tanaman padi sebagai suatu pekerjaan sambilan untuk menambah pendapatan. Hanya sebilangan kecil sahaja yang bergantung kepada tanaman padi sebagai pekerjaan tetap.

Dari segi pemilikan tanah bendang sendiri, hampir keseluruhannya memiliki tanah bendang sendiri. Kawasan bendang ini terletak di suatu kawasan yang tersusun iaitu di Lembah Sungai Terap. Tiap-tiap seorang daripada mereka memiliki tanah bendang sendiri dengan keluasan purata sekitar 3.5 ekar. Saiz tanah bendang ini adalah ekonomik jika dibandingkan dengan produktiviti yang dihasilkan. Golongan yang memiliki tanah bendang sendiri adalah golongan pengusaha-pemilik. Ia membawa maksud golongan yang mengusahakannya. (3) Terdapat juga mereka yang menyewa tanah bendang individu lain untuk diusahakan. Kebanyakan daripada mereka ini menyewa tanah bendang tersebut sebagai pekerjaan sambilan untuk

menambah pendapatan. Golongan ini dikenali sebagai golongan peng-usaha-penyewa. Dari segi penyewaan terdapat dua kategori penyewaan. Pertama, dengan membahagikan hasil yang diperolehi secara dibahagi-dua. Jika sekiranya hasil yang diperolehi sebanyak 34 guni semusim, pemilik akan mendapat sebanyak 17 guni manakala penyewa juga akan mendapat 17 guni. Kedua, pemilik tanah mengupah penyewa dengan nilai wang. Syarat-syarat penyewaan telah dipersetujui terlebih dahulu di antara pemilik dan penyewa di dalam kedua-dua kategori penyewaan ini.

Golongan pengusaha-pemilik mendapat pulangan yang tinggi jika dibandingkan dengan golongan pengusaha-penyewa. Ini disebabkan golongan pengusaha-pemilik mengusahakan tanah bendang sendiri dan hasil yang diperolehi adalah milik mereka sepenuhnya manakala golongan pemilik-penyewa terpaksa mengagihkan pendapatan yang diperolehi sesama mereka. Berdasarkan soal selidik, golongan pengusaha-pemilik dianggarkan mendapat pulangan antara \$1000.00 ke \$2000.00 semusim. Sementara itu golongan pemilik-penyewa mendapat pulangan yang sama tetapi terpaksa diagihkan sesama mereka mengikut syarat-syarat penyewaan yang telah dipersetujui. Responden-responden dari golongan pengusaha-pemilik menyatakan pendapatan yang mereka perolehi adalah mencukupi untuk perbelanjaan sara hidup. Manakala responden-responden dari golongan pemilik-penyewa menyatakan pendapatan yang mereka perolehi adalah memuaskan dan mencukupi kerana mereka menyewa tanah bendang tersebut adalah sebagai pekerjaan sambilan sahaja.

Berdasarkan soal selidik, Petani-Petani di Mukim ini samada dari golongan pengusaha-pemilik atau golongan pemilik-penyewa mendapat bantuan dari pihak Kerajaan iaitu subsidi, baja padi dan khidmat nasihat. Bantuan ini penting supaya hasil yang diperolehi adalah sejajar dengan usaha Petani-Petani tersebut. Di samping itu ia juga dapat memberi galakan kepada Petani-Petani untuk meningkatkan produktiviti.

Dengan adanya kemudahan pengairan, keseluruhan Petani-Petani dapat mengamalkan sistem tanaman dua kali setahun. Dengan wujudnya sistem tanaman dua kali setahun ini, ia dapat mengelakkan "masa pengangguran" (4) yang terlalu lama di kalangan Petani-Petani dan di samping itu juga dapat mengelak daripada kesuburan tanah terjejas akibat terlalu lama tidak ditanami. Wujudnya tanaman duakali setahun ini menyebabkan Petani tidak berpeluang untuk menanam tanaman lain di luar musim tanaman padi kerana tanah bendang sentiasa digunakan untuk tanaman padi.

4.2.2 Getah.

Berdasarkan soal selidik, terdapat 30 orang atau 60% daripada responden-responden di Mukim ini terlibat dengan sektor getah. Keseluruhannya menjadikan sektor getah ini sebagai suatu pekerjaan tetap. Separuh daripada mereka terlibat di dalam usaha kemajuan dan pembangunan tanah oleh Kerajaan iaitu dengan wujudnya Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan iaitu Risda. Selebihnya adalah mereka yang mengusahakan

tanaman getah secara kebun kecil dan ada yang mengambil upah atau-pun menyewa tanah getah individu lain untuk menoreh. Rata-ratanya boleh dikatakan mereka menjadikan sektor getah sebagai tempat untuk bergantung hidup. Skim Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir ini adalah satu langkah yang baik kerana ia dapat meningkatkan produktiviti di kalangan Pekebun-Pekebun Kecil Getah. Di samping itu ia memberi peluang kepada Pekebun-Pekebun Kecil Getah untuk memiliki kebun getah sendiri secara bayaran ansuran dari setahun ke-setahun. Mini estet di Mukim Terap ini dianggarkan kluasannya sekitar 300 ekar dan melibatkan 35 orang Pekebun Kecil Getah.⁽⁵⁾ Rancangan Tanah Pinggir adalah terdiri daripada Rancangan Tanah Pinggir 1, 2 dan 3 yang melibatkan 30 orang Pekebun Kecil Getah.⁽⁶⁾

Dari segi pemilikan kebun getah, separuh daripada Pekebun-Pekebun Kecil Getah yang terlibat dengan rancangan kemajuan dan pembangunan tanah oleh kerajaan iaitu Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir memiliki kebun getah sendiri. Pekebun-Pekebun Kecil ini secara otomatik akan dapat memiliki kebun getah yang mereka usahakan di dalam rancangan ini apabila mereka dapat membayar harga kebun getah tersebut secara ansuran kepada Kerajaan. Terdapat juga Pekebun-Pekebun Kecil yang memiliki kebun getah sendiri iaitu mereka yang tidak terlibat dengan rancangan kemajuan dan pembangunan tanah oleh kerajaan. Golongan ini memiliki saiz kebun getah yang tidak ekonomik berdasarkan kepada produktiviti yang dihasilkan oleh mereka. Di samping itu juga terdapat kebun-kebun getah yang dimiliki oleh kaum China dan India. Kebanyakannya daripada

kebun-kebun getah ini mempunyai saiz yang luas. Di sinilah sebilangan kaum Melayu bergantung hidup dengan menyewa atau mengambil upah menoreh.

Berdasarkan soal selidik dan temubual Penulis dengan beberapa orang Pekebun-Pekebun Kecil Getah, golongan yang terlibat dengan Rancangan Mini Estet dan tanah Pinggir menghasilkan pendapatan yang tinggi jika dibandingkan dengan golongan yang mengusahakan kebun kecil secara sendirian dan golongan yang menyewa ataupun mengambil upah menoreh. Dianggarkan pendapatan mereka di antara \$400.00 ke \$600.00 sebulan. Ini adalah disebabkan Pekebun-Pekebun Kecil yang terlibat dengan Rancangan Tanah Pinggir dan Mini Estet mengusahakan saiz tanah yang ekonomik. Di samping itu juga, Pekebun-Pekebun Kecil ini mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Risma ketika mengusahakan kebun getah tersebut. Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir ini biasanya berada di dalam keadaan baik, tidak semak dan benih-benih getah yang baik sahaja dipilih untuk tanaman. Ini penting supaya produktiviti dapat ditingkatkan dan seterusnya penghidupan Pekebun-Pekebun Kecil ini akan bertambah baik. Manakala golongan yang mengusahakan kebun getah sendiri mempunyai pendapatan sekitar \$200.00 ke \$300.00 sebulan. Ini adalah disebabkan mereka mengusahakan kebun getah yang saiznya tidak ekonomik. Maka golongan yang mengambil upah menoreh atau menyewa kebun getah kala golongan yang mengusahakan kebun getah yang saiznya tidak ekonomik. Maka mereka mendapat pendapatan yang lebih dan begitulah sebaliknya.

Dianggarkan pendapatan mereka sekitar \$150.00 ke \$250.00 sebulan.

Pekebun-Pekebun Kecil yang terlibat dengan rancangan Mini Estet dan rancangan Tanah Pinggir mampu untuk menyara keluarga dan membiayai perbelanjaan harian kerana pendapatan mereka yang agak tinggi. Manakala Pekebun-Pekebun Kecil yang mengusahakan kebun getah sendiri dan golongan yang mengambil upah atau menyewa kebun getah orang lain terpaksa melakukan pekerjaan sambilan untuk menambah pendapatan bagi menyara keluarga dan membiayai perbelanjaan harian.

Terdapat dua kategori penyewaan. Pertama, dengan dibahagi dua hasil yang diperolehi samada hasil yang diperolehi daripada getah keping ataupun skrap. Kedua, sekiranya harga getah keping \$2.60 se-kilo, maka pemilik kebun getah akan mendapat \$1.40 sen manakala penyewa ataupun orang yang mengambil upah menoreh akan mendapat 60 sen. Bagi skrap, biasanya hasil yang diperolehi dibahagi dua di-antara pemilik dan penyewa.

Berdasarkan soal selidik, keseluruhan daripada Pekebun-Pekebun Kecil getah yang terlibat dengan kemajuan dan pembangunan tanah iaitu rancangan Mini Estet dan rancangan Tanah Pinggir mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan. Bantuan-bantuan itu samada dalam bentuk subsidi, input pertanian, kredit untuk tanaman semula, khidmat nasihat dan sebagainya. Manakala Pekebun-Pekebun Kecil yang mengusahakan kebun getah sendiri juga mendapatkan bantuan daripada pihak Kerajaan dari segi khidmat nasihat bagaimakah caranya untuk

meningkatkan produktiviti. Di samping itu, kredit diberikan kepada Pekebun-Pekebun Kecil yang ingin untuk menanam semula tanaman getah mereka dengan benih-benih yang terpilih supaya hasil yang diperolehi akan meningkat pada masa akan datang.

Purata Pekebun Kecil getah menoreh dalam sebulan sekitar 16 hari ke 20 hari. Jika sekiranya musim hujan, jumlah menoreh akan jatuh sekitar 7 hari ke 14 hari. Kebanyakan Pekebun-Pekebun Kecil getah yang mengusahakan kebun getah sendiri dan Pekebun-Pekebun Kecil getah yang menyewa atau mengambil upah menoreh akan melakukannya pekerjaan sambilan sekiranya hari hujan untuk menambah pendapatan bagi menyarai perbelanjaan sara hidup.

4.2.3 Penternakan.

Aktiviti Penternakan bukanlah merupakan aktiviti yang pesat dijalankan di Mukim ini. Kebanyakan daripada penduduk-penduduk di Mukim ini hanya menjalankan aktiviti penternakan secara kecil-kecilan sahaja. Aktiviti penternakan ini dijalankan di sekitar kawasan kediaman yang melibatkan ternakan seperti ayam, itik, kambing, lembu dan sebagainya. Hasil ternakan ini adalah untuk kegunaan makanan mereka sahaja.

Walaupun begitu terdapat dua orang pengusaha yang menjadikan aktiviti penternakan sebagai sumber untuk bergantung hidup. Dalam ertikata lain, mereka menjadikan penternakan ini sebagai suatu pekerjaan tetap. Seorang pengusaha menjalankan ternakan ayam daging

manakala seorang lagi mengusahakan ternakan ikan air tawar. Kedua-dua pengusaha ini menjalankan aktiviti ternakan adalah untuk tujuan komersial.

Penulis telah mengadakan pertemuan dengan pengusaha ternakan ayam daging tersebut. Beliau menyatakan pada peringkat permulaannya, hanya terdapat 1000 ekor ayam daging yang diternakannya. Beliau menjalankan aktiviti ternakan ini di kawasan tanah terbiar yang keluasannya dianggarkan sekitar satu ekar. Tanah ini adalah tanah peninggalan ayahnya. Di kawasan tanah inilah, beliau mendirikan beberapa buah reban ayam. Beliau telah menjalankan ternakan ayam daging ini selama tiga tahun yang lepas.

Dari segi modal, beliau mendapatkan pinjaman dari Bank Pertanian sebanyak \$10,000.00 dengan dicagarkan sekeping tanah. Modal ini digunakan untuk mendirikan reban-reban ayam, membeli anak-anak ayam, makanan ayam dan kos untuk membayar pekerjanya seramai dua orang. Di samping itu beliau telah berjumpa dengan Pegawai Haiwan untuk meminta nasihat bagaimanakah untuk memulakan projek ternakan ini. Pegawai tersebut bersetuju untuk memberi bantuan seperti memberi suntikan pencegah penyakit kepada benih-benih ayam, dari segi pasaran dan cara-cara mengendalikan pemeliharaan ayam.

Dari segi pasaran, kebanyakan ayam-ayam pemeliharaan beliau dipasarkan melalui Pejabat Haiwan Daerah. Ayam-ayam yang cukup tem-

poh untuk dijual diasingkan daripada ayam-ayam yang lain.Tujuannya untuk mengelakkan ayam-ayam tersebut daripada mengganggu benih ayam yang baru.Ini adalah penting supaya tempoh pembesaran benih-benih ayam baru tidak terbantut.Jika sekiranya masalah ini timbul beliau akan mengalami kerugian dari segi kualiti ayam yang dihasilkan.Seterusnya pendapatan beliau daripada hasil jualan ayam-ayam tersebut akan merosot.

Apabila ditanya berapakah pendapatan yang beliau perolehi dalam sebulan.Beliau menyatakan pendapatannya tidak tetap, pada bulan-bulan tertentu pendapatannya tinggi tetapi kadang-kadang pendapatannya rendah.Ini bergantung kepada hasil jualan ayam yang dipasarkan.Sering terjadi benih-henih ayam baru mati sebelum cukup tempoh untuk dipasarkan.Inilah yang menyebabkan pendapatannya merosot pada bulan-bulan tertentu.Secara kasarnya beliau menyatakan pendapatan yang diperolehinya adalah mencukupi untuk perbelanjaan sara hidup, membayar gaji dua orang pekerjanya dan membayar kembali wang pinjaman.Dianggarkan pendapatannya sekitar \$1000.00 ke \$1500.00 sebulan.

Pendapatan yang diperolehinya dijadikan sebagai modal pusingan untuk membesarkan projek ternakan ayam dagingnya.Dari setahun ke setahun projek ternakannya telah bertambah besar.Hingga ke hari ini terdapat kira-kira 3000 ekor ayam yang diternakannya.Apabila jumlah ayam telah meningkat bermakna rebannya terpaksa diperbanyak-kan lagi.Bantuan yang diperolehi daripada Bank Pertanian adalah

tidak mencukupi untuk mengendali projek penternakan ini.Oleh kerana itu beliau terpaksa memohon lagi pinjaman daripada pihak Bank Pertanian.

Penulis juga telah mengadakan pertemuan dengan seorang lagi pengusaha ternakan iaitu pengusaha ternakan ikan air tawar.Beliau mengusahakan ternakan ikan air tawar ini di sebidang tanah yang luasnya dianggarkan sekitar satu setengah ekar.Di atas tanah ini, terdapat tiga buah kolam yang diisi dengan 1000 ekor ikan.Benih-benih diperolehi daripada Pejabat Perikanan Daerah.Tanah tersebut adalah milik salah seorang daripada ahli keluarganya.Beliau telah mengusahakan projek ternakan ikan air tawar ini kira-kira setahun yang lepas.

Dari segi modal, beliau menyatakan pada peringkat permulaannya beliau telah mengeluarkan modal sebanyak \$5000.00.Modal ini diperolehi hasil daripada simpanannya.Oleh kerana itu, beliau tidak memohon apa-apa bantuan keawangan daripada Bank Pertanian, Agensi Kerajaan dan sebagainya.Wang sebanyak \$5000.00 itu digunakan untuk mengubahsuai kolam ikan tersebut.Sebenarnya kolam tersebut telah sedia wujud tetapi kawasannya dipenuhi dengan semak-semun.Oleh kerana itu ia perlu kepada pengubahsuaian semula.Selainnya digunakan untuk membeli benih-benih ikan air tawar, maka kos penyelenggaraan.Sebelum memulakan projek ternakan ikan ini, beliau telah menemui Pegawai Perikanan Daerah untuk mendapatkan khidmat nasihat.Khidmat nasihat ini adalah penting

sebelum memulakan sesuatu projek kerana risikonya tinggi jika seseorang itu tidak berpengalaman di dalam projek yang diterokai-nya. Di samping itu kolam dan kawasan sekitarnya hendaklah berada di dalam keadaan baik supaya ikan-ikan dapat membesar di dalam keadaan yang selesa. Ini penting supaya hasil yang diperolehi adalah tinggi.

Dari segi pasaran, beliau tidak mengalami masalah. Hasil hubungannya dengan Pejabat Perikanan Daerah, beliau dapat memasar-kan ikan-ikannya mengikut harga pasaran. Di samping itu terdapat juga pelanggannya yang datang sendiri ke kolam ikannya semasa penangkapan ikan dibuat. Ini secara tidak langsung akan dapat menjimatkan kos pengangkutan kerana beliau tidak perlu untuk membawa ikan-ikannya ke tempat pasaran. Sambutan daripada penduduk-penduduk tempatan juga amat menggalakkan. Lazimnya tiap-tiap enam bulan sekali tangkapan ikan dibuat. Ini bergantung kepada tempoh pembesaran ikan-ikan tersebut. Jika sekiranya makanan yang diberikan berkualiti baik, maka tempoh pembesaran ikan tersebut akan bertambah cepat. Apabila tangkapan telah selesai maka kolam tersebut perlu dibersih semula sebelum memasukkan benih-benih ikan yang baru.

Dari segi pendapatan, sekali tangkapan ikan yang biasanya dibuat dalam tempoh enam bulan, pendapatan yang diperolehi sekitar \$2000.00 ke \$4000.00. Hasil yang diperolehi daripada jualan ikan ini adalah mencukupi untuk perbelanjaan sara hidup.

-96-

4.2.4 Tanaman-Tanaman Lain.

Pisang.

Berdasarkan soal selidik, terdapat enam ekar kebun pisang yang diusahakan secara berkelompok seramai empat orang. Penulis telah mengadakan temu bual dengan mereka yang terlibat dengan tanaman pisang secara berkelompok ini. Mereka menyatakan bahawa tanaman pisang ini diusahakan secara sambilan sahaja untuk menambah pendapatan. Sebenarnya mereka mempunyai pekerjaan yang tetap iaitu sebagai Pekebun Kecil Getah. Pisang-pisang yang telah masak kebanyakannya dijual kepada peraih-peraih yang datang sendiri ke kebun pisang mereka. Pendapatan yang diperolehi daripada hasil jualan pisang tersebut dibahagi secara samarata di antara mereka. Dianggarkan pendapatan mereka purata sekitar \$200.00 sebulan.

Jagung.

Kebanyakan tanaman jagung ini diusahakan secara individu sahaja. Kawasan tanaman jagung biasanya terletak di sekitar rumah-rumah kediaman. Tanaman jagung yang diusahakan bukanlah untuk tujuan perniagaan tetapi adalah untuk kegunaan mereka sahaja.

Dusun.

Di Mukim Terap ini, dianggarkan terdapat 50 ekar kluasan dusun yang mengandungi berbagai jenis buah-buahan seperti durian, rambutan, langsat, cempedak dan sebagainya. Kebanyakan daripada dusun ini dimiliki secara individu. Berdasarkan temu bual penulis dengan beberapa orang responden yang memiliki dusun-dusun ini,

mereka menyatakan pada musim buah-buahan, pendapatan yang mereka perolehi adalah lebih tinggi dibandingkan dengan musim-musim lain. Ini adalah disebabkan buah-buahan yang mereka perniagakan mendapat pulangan yang menggalakkan. Mereka tidak perlu untuk mengeluarkan buah-buahan tersebut ke Pekan yang berdekatan untuk dipasarkan. Kebanyakan daripada pelanggan datang sendiri ke dusun-dusun mereka untuk memilih dan membeli buah-buahan tersebut. Ini dapat mengelakkan pemilik-pemilik dusun mengeluarkan perbelanjaan yang lebih untuk memasarkan buah-buahan.

Dari segi keuntungan, pemilik-pemilik dusun menyatakan di antara \$500.00 ke \$1000.00 pada musim buah-buahan. Sebenarnya pemilik-pemilik dusun ini mempunyai pekerjaan yang tetap. Pendapatan yang diperolehi daripada hasil jualan buah-buahan tersebut adalah sebagai pendapatan sampingan sahaja.

Tanaman Sayur.

Di Mukim ini terdapat projek tanaman sayur-sayuran seluas 8 ekar. Ia diusahakan secara berkelompok melibatkan enam orang pengusaha. Berdasarkan temu bual penulis dengan pengusaha-pengusaha tersebut, mereka telah berkongsi modal untuk mengusahakan tanaman tersebut, sayur-sayuran ini. Pada peringkat permulaannya, setiap seorang dari mereka mengeluarkan modal sebanyak \$500.00 untuk tujuan pembelian benih, baja dan sebagainya.

Sebelum memulakan projek ini, pengusaha tersebut telah berjumpa dengan Pejabat Pertanian untuk meminta nasihat. Pada dasarnya Pejabat Pertanian bersetuju untuk memberi khidmat nasihat seperti mencadangkan biji benih yang baik untuk ditanami, lawatan ke projek tanaman tersebut dan dari segi pasaran masa depannya.

Dari segi pendapatan, setiap keuntungan yang diperolehi dari pada jualan sayur-sayuran dibahagi secara samarata di kalangan pengusaha-pengusaha tersebut. Dianggarkan pendapatan mereka purata sekitar \$500.00 sebulan. Walaupun begitu kadang kala pendapatan ini berkurangan kerana tanaman mereka menghadapi ancaman seperti serangan daripada musuh tanaman dan sebagainya.

4.3 Kemudahan-Kemudahan Yang Diterima Daripada Kerajaan.

Skim bantuan baja getah (Risda) diberikan kepada Pekebun-Pekebun Kecil Getah yang terlibat dengan rancangan Tanah Pinggir dan juga tanaman getah secara berkelompok iaitu Mini Estet. Berdasarkan soal selidik, keseluruhan Pekebun-Pekebun Kecil getah di Mukim ini mendapat faedah daripada skim ini. Risda sebagai satu agensi yang bertanggungjawab secara langsung dengan sektor Pekebun Kecil getah melancarkan skim bantuan baja sebagai satu galakan kepada Pekebun-Pekebun Kecil getah kearah meningkatkan lagi produktiviti. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan beban Pekebun-Kecil getah untuk membeli baja secara sendiri.

Penulis telah mengadakan temu bual dengan seorang Pegawai

Risda yang bertanggungjawab di dalam pemberian skim bantuan baja getah di Mukim ini. Beliau menyatakan skim bantuan baja ini akan diberikan apabila pihak Risda menerima permohonan daripada Pekebun-Pekebun Kecil getah. Apabila permohonan diterima pihak Risda akan mengambil tindakan susulan seperti mengadakan lawatan ke kebun-kebun getah, memeriksa samada baja yang diberi sebelumnya telah digunakan dan sebagainya. Apabila pihak Risda berpuashati, barulah skim bantuan baja ini disalurkan kepada Pekebun-Pekebun Kecil getah. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewangan di dalam pemberian skim bantuan baja getah dan juga untuk mengelakkan pembaziran.

Penulis juga telah mengadakan temu bual dengan beberapa orang Pekebun Kecil getah yang menikmati kemudahan skim bantuan baja getah ini. Mereka menyatakan amat berpuashati dengan skim bantuan baja getah ini. Mereka juga berpuashati dengan sistem penghantaran baja tersebut. Lazimnya, pihak Risda akan menghubungi terlebih dahulu Pekebun-pekebun Kecil getah sebelum penghantaran baja dibuat. Ini adalah untuk mengelak daripada baja itu tersalah ambil. Apabila penghantaran baja dibuat, selalunya Pekebun Kecil akan menerima sekitar 6 kampit ke 12 kampit baja untuk tempoh yang tertentu.

Dari segi skim gred baja yang dibekalkan, terdapat dua skim gred baja yang dibekalkan kepada Pekebun-Pekebun Kecil getah iaitu yang pertama ialah skim baja untuk Pekebun-Pekebun Kecil Getah yang mengusahakan tanaman semula getah. Pihak Risda akan membekalkan

gred baja A kepada mereka yang mengusahakan tanaman semula getah ini. (7) Ini adalah penting kerana pokok getah yang baru hendak membesar memerlukan kepada gred baja yang baik supaya proses pembesarannya tidak terbantut. Kedua ialah skim baja yang dibekalkan kepada Pekebun-Pekebun Kecil getah yang memiliki pokok getah yang sudah boleh menoreh. Selalunya pihak Risda akan membekalkan baja gred B atau C kepada Pekebun-Pekebun Kecil getah di dalam kategori ini. (8)

4.3.2 Khidmat Nasihat.

Khidmat nasihat adalah salah satu daripada kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk di kawasan Mukim ini. Agensi-agensi Kerajaan seperti Risda, Pejabat Pertanian, Pejabat Perikanan akan terlibat di dalam proses khidmat nasihat ini. Khidmat nasihat adalah penting sebelum melaksanakan sesuatu projek pertanian supaya produktiviti yang akan dihasilkan berada ditahap yang tinggi.

Keseluruhan Pekebun-Pekebun Kecil getah yang mengusahakan tanaman semula getah mendapatkan bantuan khidmat nasihat dari pihak Risda sebelum melaksanakan projek tersebut. Pihak Risda akan mengarahkan salah seorang daripada pegawaiannya untuk memberi nasihat kepada Pekebun-Pekebun Kecil getah yang terlibat dengan tanaman semula getah ini. Khidmat nasihat diberi seperti menentukan keluasan dan pembersihan tanah, pemilihan benih getah yang baik, cara-cara untuk meningkatkan produktiviti dan sebagainya.

Bagi sektor tanaman padi pula, agensi yang bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat ialah Pejabat Pertanian Daerah. Sebilangan besar daripada Petani-Petani mendapatkan nasihat daripada Pegawai Pertanian yang bertugas di kawasan Mukim ini. Sistem tanaman dua kali setahun merupakan bebanan yang berat kepada Petani-Petani. Oleh kerana itu, Petani-Petani terpaksa mengorbankan banyak masa mereka untuk memberi perhatian kepada tanaman padi ini. Pada masa dahulu, sistem tanaman yang diamalkan adalah berbentuk tradisional. Dengan adanya khidmat nasihat daripada Pejabat Pertanian Daerah, Petani-Petani di Mukim ini dapat mengamalkan sistem tanaman yang lebih teratur dan tersusun. Ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan peruntukan masa yang diberikan kepada tanaman tersebut.

Bagi sektor penternakan, khidmat nasihat adalah penting sebelum seseorang pengusaha memulakan sesuatu projek ternakan. Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, terdapat dua orang pengusaha yang menjalankan projek ternakan untuk tujuan kemersial. Berdasarkan temu bual penulis dengan kedua-dua orang pengusaha ini, mereka mendapatkan khidmat nasihat daripada Pejabat Pertanian Daerah sebelum memulakan projek ternakan tersebut. Khidmat nasihat yang mereka terima ialah dari segi pemilihan benih yang baik, pasaran dan kebersihan kawasan ternakan.

4.3.3 Subsidi Dan Kredit.

Subsidi adalah merupakan satu skim galakan kepada Pekebun-Kecil dan Petani-Petani kearah meningkatkan produktiviti. Subsidi biasanya diberi di dalam bentuk seperti wang, input pertanian dan sebagainya.⁽⁹⁾ Sebagaimana kita maklum, sektor luar-bandar yang terdiri daripada Pekebun Kecil dan Petani adalah sektor yang berada di bawah paras kemiskinan. Oleh kerana itu sebagai langkah untuk mengurangkan jurang kemiskinan, Kerajaan menerusi rencasanya telah melancarkan skim subsidi kepada Pekebun-Kecil dan Petani-Petani yang terlibat. Hasilnya, Pekebun Kecil dan Petani dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Subsidi hendaklah diteruskan pengagihannya selama mana wujud fenomena kemiskinan di sektor Pekebun Kecil dan Petani. Keutamaan mestilah diberikan kepada "hard core poor" yang berselerakan di sektor tanaman padi, perikanan dan tanaman getah.⁽¹⁰⁾ Soal pilih kasih di dalam pemberian subsidi kepada beberapa sektor tertentu hendaklah dihapuskan.

Hampir keseluruhan Pekebun Kecil Getah dan Petani di Mukim ini menikmati skim subsidi yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Bagi sektor getah, biasanya subsidi yang diberikan adalah di dalam bentuk input pertanian seperti baja dan biji benih. Bagi sektor padi, ia diberi mengikut output yang dihasilkan oleh Petani-Petani.

Penulis telah mengadakan temu bual dengan beberapa orang Pekebun Kecil getah dan Petani. Mereka menyatakan, subsidi yang diberikan dapat mengurangkan bebanan mereka kearah mencapai hidup yang lebih sempurna. Di samping itu juga, mereka menyatakan skim subsidi adalah satu langkah yang baik yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membantu Pekebun Kecil getah dan Petani di sektor luar bandar.

Kredit adalah satu lagi kemudahan yang diberi untuk membangunkan kehidupan Pekebun Kecil dan Petani di sektor luar bandar. Kredit membawa maksud pinjaman yang diberikan kepada Pekebun Kecil dan Petani yang ingin melaksanakan sesuatu projek pertanian. (11) Kredit ini perlu dibayar semula kapabila sesuatu projek pertanian mula mengeluarkan hasil. Melalui sistem ini, Pekebun Kecil getah dan Petani berpeluang untuk melaksanakan sesuatu projek yang memerlukan modal yang besar. Bank Pertanian Malaysia dan Risda adalah agensi yang bertanggungjawab untuk memberi kemudahan kredit kepada Pekebun Kebun dan Petani.

Pekebun-Pekebun Kecil Getah di Mukim ini biasanya akan mendapatkan bantuan kredit daripada pihak Risda sebelum memulakan projek tanaman semula getah. Projek tanaman semula ini memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh kerana itu bantuan kredit amat diperlukan bagi melaksanakan projek tersebut. Sebelum pihak Risda meluluskan sesuatu permohonan, pihaknya terlebih dahulu akan memastikan samada tanaman semula itu perlu dilakukan atau tidak.

Berdasarkan temu bual penulis dengan beberapa orang yang mengusahakan projek tanaman semula ini, mereka menyatakan bantuan kredit yang diterima adalah dari satu peringkat ke satu peringkat. Maksudnya di sini, bantuan kredit akan diberi pada peringkat membersihkan kebun getah seperti menebang pokok-pokok getah yang sudah tua, selepas itu bantuan akan dikeluarkan pada peringkat menanam anak getah dan begitulah seterusnya.

Kredit juga diberikan kepada pengusaha-pengusaha ternakan. Kredit yang diberikan adalah bergantung kepada permohonan yang dibuat oleh seseorang pengusaha. Bersama dengan permohonan yang dibuat, pemohon terpaksa menyediakan cagaran umpamanya geran tanah sebagai jaminan sebelum Pihak Bank meluluskan bantuan kredit. Di Mukim ini terdapat seorang pengusaha yang menjalankan projek ternakan ayam daging. Beliau memperolehi bantuan kredit yang diberikan oleh Bank Pertanian sebagai modal untuk menjalankan projek ternakan tersebut.

4.3.4 Saliran.

Saliran memainkan peranan penting di dalam sektor tanaman padi. Padi merupakan satu jenis tanaman yang memerlukan kepada bekalan air yang cukup. Ini adalah penting supaya proses pembesaran tanaman padi tidak akan terbantut dan dapat mengeluarkan hasil yang tinggi. Tanpa sistem saliran yang baik, sektor padi akan mengalami kejatuhan di dalam produktiviti dan seterusnya kehidupan para Petani akan terjejas.

Di Mukim ini, terdapat satu sistem saliran yang baik. Sektor tanaman padi merupakan aktiviti pertanian yang kedua pentingnya selepas getah di Mukim ini. Oleh kerana itu, sistem saliran yang baik amat diperlukan oleh Petani-Petani. Pada tahun 1971 pihak Jabatan Parit dan Taliair (JPT) telah mengadakan sistem saliran untuk kemudahan Petani-Petani. Dengan adanya sistem saliran, dapatlah Petani-Petani ini mengamalkan sistem tanaman padi dua kali setahun. Pengamalan sistem tanaman dua kali setahun secara tidak langsung akan dapat meningkatkan lagi hasil keluaran padi oleh Petani-Petani tersebut. Seterusnya pendapatan yang akan diperolehi meningkat. Pada tahun 1985 dengan pemulihan semula tanah-tanah bendang yang terbiar, pihak Jabatan Parit dan Taliair sekali lagi mengadakan sistem saliran yang mengalir terus kepada bendang-bendang yang terlibat. Sebelumnya pihak Jabatan Parit dan Taliair hanya mengadakan kemudahan saliran kepada tanah-tanah bendang yang berdekatan dengan kawasan pengairan sahaja.

Berdasarkan observasi penulis, keseluruhan Petani-Petani di Mukim ini menikmati faedah daripada kemudahan pengairan yang disediakan oleh Jabatan Parit dan Taliair.

4.4 Sifat-Sifat Sektor Pertanian.

Sektor pertanian di Mukim Terap adalah pada asasnya bersifat dualisme iaitu terdapat sektor moden di samping sektor tradisional. Sektor moden melibatkan Pekebun-Pekebun Kecil yang teratur seperti yang terdapat di rancangan pembangunan dan kemajuan tanah iaitu

Mini Estet dan Rancangan Tanah pinggir (Risda).⁽¹²⁾ Manakala sektor tradisional ialah Pekebun Kecil yang menjalankan aktiviti pertanian secara sendiri tanpa terlibat dengan rancangan kemajuan dan pembangunan tanah oleh Kerajaan.

Organisasi dualisma di sektor pertanian di Mukim Terap mula berubah dengan bertambahnya permodenan dibeberapa bahagian sektor tradisional melalui penyertaan pihak Kerajaan terutamanya di dalam tanaman getah dan padi. Penyertaan pihak Kerajaan membolehkan pengembangan teknologi baru, kegunaan bahan-bahan tanaman yang bermutu tinggi dan perlaksanaan teknik pengeluaran yang baik di sektor Pekebun Kecil. Teknologi ini meliputi:

- 1) pembekalan dan pengurusan air.
- 2) penerimaan benih padi baru yang mempunyai jangka masa pengeluaran yang pendek berbanding dengan benih padi tradisional yang mempunyai jangka masa pengeluaran yang panjang.
- 3) penggunaan baja yang bertambah dan juga bahan mengawal musuh tanaman.

Kesannya pengeluaran padi dan getah di kawasan Mukim Terap didapati meningkat dari semasa ke semasa. Ini tentunya dapat meningkatkan taraf pendapatan penduduk.

Pembangunan dan kemajuan tanah merupakan satu lagi transformasi yang menarik perhatian di dalam sektor pertanian di Mukim ini. Penyertaan Kerajaan di dalam pembangunan tanah terutamanya yang

diusahakan secara intensif di kawasan-kawasan Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir telah memberi galakan dari segi kegunaan teknologi hinggalah kepada organisasi berkelompok. Ini meliputi keredah pengurusan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan Pekebun-Pekebun Kecil yang terlibat. Ada juga Pekebun-Pekebun Kecil yang menikmati hanya perubahan-perubahan teknologi dan peluang-peluang mendapatkan modal melalui rancangan-rancangan tanaman baru dan tanaman semula serta perkhidmatan pengembangan pertanian, tetapi aspek-aspek pengurusan dan organisasinya masih kekal seperti lama. Pada keseluruhannya permodenan pertanian di sektor tradisional masih belum dirasai oleh sebahagian besar Petani di sektor pekebun kecil kerana masih terdapat banyak kawasan di sektor ini yang menggunakan teknik pengeluaran yang lama dan mengalami produktiviti yang rendah. Sektor Pekebun Kecil ini sangat memerlukan permodenan dan ia didapati mempunyai potensi memandangkan sebahagian besar daripada penduduk Mukim Terap bergantung kepada sektor ini untuk penghidupan mereka.

Rancangan Tanah Pinggir dan Mini Estet (Risda) merupakan contoh terbaik dari segi pendekatan organisasi berkelompok dalam pembangunan pertanian di Mukim ini.

4.5 Pemilikan Tanah.

Kebun-kebun kecil di Mukim Terap kebanyakannya dimiliki oleh kaum Melayu yang beragama Islam. Sebilangan besar daripada mereka ini memiliki sendiri, menyewa atau mengambil upah mengerjakan

tanah tersebut. Bagi kawasan rancangan pembangunan tanah seperti Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir, peneroka-peneroka kecil akhirnya akan memiliki tanah yang mereka kerjakan itu secara bayaan ansuran dari setahun ke setahun. Berdasarkan soal selidik kira-kira dua pertiga daripada Pekebun-Pekebun Kecil getah memiliki tanah yang mereka kerjakan. Mereka ini terdiri daripada golongan pengusaha-pemilik. Golongan pemilik-penyewa pula didapati memiliki tanah-tanah yang luas, manakala penyewa hanya memiliki tanah-tanah yang kecil.

Corak pemilikan tanah menunjukkan bahawa Pekebun-Pekebun Kecil, selain daripada peneroka-peneroka di rancangan pembangunan tanah seperti Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir dan lain-lain, masih lagi mengusahakan tanah yang saiznya tidak ekonomik, terutamanya di kalangan kaum Melayu. Ini merupakan satu-satunya faktor yang menyebabkan produktiviti yang lemah. Bersamaan itu pula terdapat peratus penyewaan dan pengeluaran berkongsi yang tinggi di samping pemilik tanah yang tinggal di luar kawasan Mukim ini dan tanah-tanah yang terbiar dan kurang dijaga oleh pemilik-pemilik. Sementara itu terdapat juga kekurangan insentif untuk mengurus, memperbaiki dan menjaga tanah-tanah oleh penyewa atau pemilik bersama kerana segala faedah dan keuntungan yang akan diperolehi adalah kepunyaan tuan tanah.

4.6 Output dan Produktiviti.

Penghidupan Petani-Petani dan penduduk-penduduk di Mukim ini,

sebahagian besarnya bergantung kepada pengeluaran padi dan getah. Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja yang bergiatan di sektor lain. Output dan produktiviti pekebun-pekebun kecil biasanya dianggap rendah samada dari segi per kapita atau per unit tanah yang di-usahakan. Sekitar tahun 80-an, pekebun kecil di Mukim ini telah mencapai kemajuan output dan produktiviti yang menggalakkan dari segi tambahan di dalam output per kapita dan per unit tanah terutamanya bagi getah dan padi. Kemajuan ini adalah hasil usaha-usaha Kerajaan mengoptimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan produktiviti di kawasan-kawasan pertanian yang ada dan menyediakan keperluan-keperluan perkhidmatan dan infrastruktur. Tambahan pula dalam tempoh tersebut terdapat perkembangan teknologi pengeluaran yang menggalakan dengan penggunaan bahan-bahan penghasilan tinggi, pengusahaan pertanian yang baik dan perkembangan yang giat dalam pemasaran. Rancangan-rancangan tanaman semula, pemulihan dan pembangunan tanah yang dijalankan oleh Kerajaan juga membantu meningkatkan output dan produktiviti. Selain daripada itu Kerajaan juga memberi bantuan-bantuan seperti kredit, subsidi, input baja, bahan-bahan tanaman dan kawalan serangga. Kesemuanya ini telah meninggikan kecekapan pengeluaran.

Pekebun-Pekebun Kecil jika diberi peluang dan insentif mewujudkan kemampuan yang positif kearah memperbaiki output dan produktiviti. Dengan itu ternyata bahawa pengabaian, kekurangan kecekapan dan kemalasan bukanlah merupakan faktor yang menyebabkan produktiviti yang rendah di kalangan pekebun-pekebun kecil. Tetapi

sebagaimana yang terdapat pada sekitar tahun 70-an, produktiviti yang rendah di kalangan Pekebun Kecil adalah dikaitkan dengan tingkat teknologi dan permodenan yang rendah. Keadaan ini adalah disebabkan pelaburan modal yang rendah, ketiadaan peluang-peluang mendapatkan input moden dan kemudahan-kemudahan institusi yang tidak mencukupi.

4.7 Pendapatan dan Kemiskinan.

Pendapatan pertanian di Mukim ini adalah diperolehi daripada tanaman getah dan padi. Aktiviti-aktiviti tersebut, terutamanya yang diusahakan secara kebun kecil adalah kebanyakannya diusahakan oleh masyarakat Islam.

Pada umumnya, berdasarkan soal selidik, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan pendapatan Pekebun-Pekebun Kecil getah dan Petani-Petani telah meningkat. Tetapi peningkatan pendapatan bagi masyarakat Islam selain daripada mereka yang terlibat dengan Rancangan Mini Estet dan Tanah Pinggir didapati masih rendah jika dibandingkan dengan pendapatan kaum lain di Mukim ini. Tambahan pula jika mengambil kira anggaran pendapatan sebanyak \$350.00 sebulan bagi seisi-rumah sebagai garisan kemiskinan seperti yang digunakan oleh unit perancang ekonomi.⁽¹³⁾ Sebahagian besar daripada isirumah masyarakat Islam di Mukim ini didapati memperolehi pendapatan di bawah garisan tersebut.

Majoriti isi rumah miskin terdapat di Mukim ini dan kebanyakannya dari mereka terdiri daripada masyarakat Islam yang secara langsung mengusahakan tanaman getah dan padi. Mereka yang terlibat di dalam perancangan-pembangunan tanah seperti Mini Estet dan Rancangan Tanah Pinggir didapati berpendapatan lebih baik. Lihat jadual:

Pendapatan Bulanan

Pendapatan	Bilangan	Peratus.
\$101 - \$200.00	15 orang	30%
\$201 - \$350.00	20 orang	40%
\$351 - \$500.00	10 orang	20%
\$501 ke atas	5 orang	10%
Jumlah	50 orang	100.00%

4.8 Strategi Pembangunan Pertanian.

Pembangunan pertanian di Mukim Terap didapati bertambah terancang dan teratur. Tujuan perancangan ini adalah untuk meningkatkan pendapatan Pekebun-Pekebun Kecil dan membasmi kemiskinan. Ia dilaksanakan melalui tambahan dalam pengeluaran, terutamanya di dalam tanaman sara hidup dan melalui permodenan pertanian tradisional di mana kedua-duanya dijangka akan dapat meninggikan pendapatan pertanian dan menambahkan peluang pekerjaan. Strategi yang diikuti bagi mencapai tujuan ini meliputi:

1. Intensifikasi iaitu meninggikan produktiviti tanah-tanah pertanian yang sedang diusahakan melalui penggunaan teknologi baru, bahan tanaman yang baik, baja, sistem pengairan yang baik, kawalan serangga dan penyakit. Sebahagian besar rancangan tanaman semula getah adalah contoh yang menggunakan strategi ini.
2. Ekstenifikasi iaitu menambahkan jumlah kawasan pertanian untuk pengeluaran melalui pembukaan kawasan-kawasan pertanian yang baru seperti yang terdapat di Kampung Badlishah, Kampung Terap dan Kampung Bendang Sara.
3. Pelbagaian iaitu menambahkan jenis kawasan pertanian dan jenis tanaman.

Berbagai bentuk insentif tertentu telah diperkenalkan bagi menyokong strategi ini. Ia mempunyai dua corak: pertama dengan mengadakan dasar input terpilih yang merangkumi nasihat teknikal, perkhidmatan kontrak, pembekalan input-input seperti baja, bahan-bahan tanaman dan kimia, pengairan dan taliair, kredit dan sebagainya di mana input-input akan diberikan dalam bentuk subsidi. Keduanya: terdapat langkah-langkah sokongan harga khususnya bagi padi yang telah lama diberikan untuk menggalakkan pengeluarannya. Insentif sebegini juga telah diberikan kepada getah melalui penyerataan Kerajaan di dalam pasaran sebagai pembeli apabila harganya terlalu rendah.

SENARAI NOTA KAKI.

- 1 Bancian tahun 1980 oleh Pejabat Daerah Kulim, Kulim, Kedah.
- 2 H. Osman Rani dan E.K. Fisk, Ekonomi Politik Malaysia,
Penerbit Fajar Bakti, Sdn. Bhd. 1983, m.s 229.
- 3 Ibid.
- 4 " masa pengangguran" masa di mana Petani-Petani tidak melaku-
kan sebarang pekerjaan.
- 5 Temu bual dengan Pegawai Risda Daerah Kulim, Kulim, Kedah,
Marzuki Ismail, pada 3 hb. Januari 1990, jam 9.00-12.00
tengahari.
- 6 Ibid.
- 7 Ibid.
- 8 Ibid.
- 9 Naziruddin Abdullah, "Skim Pembangunan Tanah: Usaha-Usaha
Pembasmian Kemiskinan dan Pengagihan Kekayaan dari Perspektif
Islam", Seminar Ekonomi Islam, Kuala Lumpur, 1989, m.s 28.
- 10 Ibid. m.s 29.
- 11 Ibid.
- 12 H. Osman Rani dan E.K. Fisk, op. cit. m.s 234.
- 13 Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia ke 5, 1986-1990,
Jabatan Percetakan Negara, 1989, m.s 52.